

# Peradaban Jepun Dan Islam : Tinjauan Dalam Aspek Kepercayaan

Mohd Syariefudin Abdullah

*Abstract: The paper discusses the contributions of the Japanese and Islamic civilizations to the world today. The main fundamentals of these civilizations are ethics and faith considered as religion. The Islamic civilization focuses on the concept of tawhid while the Japanese civilization gives priority to a code of ethics and high discipline. It is important to discuss both Japanese civilization and Islamic civilization today in relation to faith and ethics for a greater understanding of these societies, respectively.*

**Keywords:** Peradaban Jepun, Islam, Kepercayaan, Agama, Falsafah

## Pengenalan

Perkembangan sesebuah peradaban merupakan satu proses yang berlaku secara semulajadi dan tanpa henti dalam kehidupan manusia di alam ini. Perkembangan ini berlaku dalam segala aspek seperti politik, ekonomi dan sosial. Selain itu, salah satu aspek lagi yang cukup penting dalam perkembangan sesebuah peradaban ialah aspek kepercayaan. Melalui kepercayaan membolehkan sesebuah peradaban maju dalam segala aspek yang lain juga. Oleh hal yang demikian dalam kita membincangkan berkenaan kepercayaan sebenarnya tidak boleh lari daripada membincangkan aspek keagamaan. Ini kerana agama dan kepercayaan adalah bergerak selari walaupun mempunyai makna yang berlainan. Terdapat dua perkembangan utama yang membentuk

kepercayaan agama dunia iaitu agama *Samawy* dan agama *Thabi'y*. Agama *Samawy* ialah agama yang diturunkan melalui wahyu Tuhan kepada utusannya di dunia yang dikenali sebagai Nabi dan Rasul untuk disampaikan kepada umat masing-masing. <sup>1</sup>Sementara, agama *Thabi'y* merupakan kepercayaan yang timbul hasil daripada angan-angan dan khayalan manusia semata-mata. Ia wujud atas dorongan daripada sifat atau lumrah manusia yang ingin beragama, ingin mencari dan memuja kepada sesuatu yang mereka anggap maha kuasa ke atas dirinya dan ia bukan berasal daripada wahyu illahi. Dasar kepercayaan dalam agama *Thabi'y* ini juga dinamai agama alam kerana pemujaan agama ini kepada benda yang selalunya ada hubungan dengan alam seperti memuja dewa-dewi dan berhala.


### Perkembangan Kepercayaan Dan Agama

Dalam Bahasa Arab agama langit disebut "al-Din al-Samawiy" sementara agama bumi dinamakan "al-Din al al-wad'iy" yang bermaksud agama yang diciptakan (agama alam). Oleh itu, agama bumi boleh dimasukkan sebagai salah satu cabang kebudayaan. Keadaan ini berbeza dengan agama langit yang berada di luar kebudayaan kerana wahyu berasal dari Allah dan bukan ciptaan manusia.<sup>2</sup> Jika ditinjau dari aspek penganutnya maka agama-agama tersebut akan dapat dibahagikan kepada ketiga-tiga keadaan iaitu:

- i. Agama tempatan  
Ia dianuti oleh sesuatu masyarakat tertentu seperti agama suku-suku bangsa yang masih primitif di Afrika, Amerika, Australia dan Irian Barat.
- ii. Agama Nasional  
Ia dianuti oleh satu-satunya bangsa tertentu misalnya agama Zoroaster, Yahudi, Shinto, Mesir Kuno dan sebagainya.
- iii. Agama dunia (Universal)  
Ia dianuti oleh pelbagai bangsa dunia seperti Agama Kristian, Islam dan Buddha.

Di seluruh dunia ini berkembang pelbagai kepercayaan dan agama. Kepercayaan kepada animisme masih tersebar ke serata permukaan bumi, di tempat-tempat yang belum kuat pengaruh agama-agama di dunia bahkan peninggalan-peninggalan kepercayaan itu masih kelihatan pada kebanyakan orang walaupun sebenarnya telah memeluk salah satu agama dunia. Kepercayaan itu tidak seragam, meskipun demikian mereka mempunyai inti kepercayaan yang sama iaitu mengibadati roh-roh dan percaya kepada kekuatan tenaga-tenaga ghaib yang amat banyak.<sup>3</sup> Jadual di bawah menggambarkan agama-agama besar di dunia mengikut data pada 2005.

### Agama-agama Besar Dunia



(Sumber :: [http://www.Religions\\_By\\_Adherents.html](http://www.Religions_By_Adherents.html))

Secara keseluruhannya, agama dan kepercayaan tersebut dapat digolongkan kepada 3 bentuk iaitu:-

- i. Kepercayaan primitif
- ii. Primitif yang lebih maju
- iii. Agama-agama monoteisma

Kepercayaan primitif ialah kepercayaan yang berdasarkan kepada animisma dan dianimisma di serata dunia terutama di Afrika Selatan, iaitu di kalangan puak-puak Amerindian dan Osenia.<sup>4</sup> Primitif dalam kalangan yang lebih maju pula tumbuh di tempat-tempat di mana kehidupan primitive berkembang menuju ke peringkat yang lebih maju misalnya kawasan pertanian yang teratur. Termasuk dalam golongan ini ialah agama yang lahir di kalangan bangsa-bangsa purba yang telah maju seperti Mesir Kuno, Babilonia, agama-agama Sino-Jepun seperti Tao, Konfiucian, Shinto dan agama-agama yang lahir dalam kalangan masyarakat Indo-Iran (Arya) seperti Hindu, Buddha dan Zarathstra. <sup>5</sup>Sementara golongan monoteisma pula ialah agama-agama dilahirkan oleh nabi-nabi bangsa Samiyah.<sup>6\*</sup>

Ia merupakan agama yang kekal sehingga sekarang dan merupakan agama yang paling ramai pengikutnya dan yang paling besar jasanya dalam bentuk membangunkan peradaban dan kebudayaan manusia. Agama-agama Yahudi, Nasrani dan Islam.

### Definisi Kepercayaan dan Agama

Jika diteliti pengertian dan makna yang selalu diberikan kepada kepercayaan, kita tidak boleh lari daripada memperkatakan tentang agama bersama-samanya. Oleh itu, perbincangan yang seterusnya tidak boleh lari daripada membincangkan agama di sebalik memperkatakan tentang kepercayaan kerana kedua-duanya adalah bergerak selari dan sentiasa bergerak secara bersama-sama. Penafsiran yang diberikan kepada kepercayaan ialah pengalaman-pengalaman "*immediate*" yang "*sacred*" dan penuh dengan emosi dan mengandungi "*entity*" luar biasa yang akhirnya berpusat kepada struktur alam (universal). Kepercayaan ini memberikan dorongan kepada perlakuan-perlakuan terhadap "*entity*" luar biasa itu terjalin misalnya dalam upacara (ritual) yang memberi asas perlakuan yang diorganisasikan oleh penganut-penganut kepercayaan itu. Satu contoh sistem kepercayaan ialah "*agama*" kerana dalam agama, terdapatnya kepercayaan, amalan dan organisasi yang membentuk "*ethic*", dan lahir pada perlakuan penganut-penganutnya.<sup>7</sup>

daripada tamadun yang dibawa oleh Islam yang berasaskan kepada rasionalisme dan kebebasan cara berfikir. Ini kerana, masyarakat sebelum ini dibelenggu dari segi pemikiran mereka menyebabkan pemikiran mereka terbatas termasuklah kepercayaan mereka menyebabkan mereka mempunyai peradaban yang lemah dan menjijikkan.

Peradaban Islam melangkaui alam yang luas sehingga menerokai ke alam Melayu yang unik dan masih mengamalkan kepercayaan yang berasaskan kepercayaan nenek moyang. Ini jelas, di mana peradaban Islam berasaskan kepada rasional dan tertib berfikir yang terdapat dalam Islam sedangkan masyarakat Melayu pada masa itu masih diikat dengan perkara-perkara khurafat dan tahyul. Kedatangan Islam seolah-olah membawa satu sinar dengan membawa ilmu pengetahuan dikenali sebagai "*zaman ilmiah*".

Syed Muhammad Naguib al-Attas menjelaskan bahawa Islam mempunyai pengaruh yang amat besar, mendalam dan meluas di alam Melayu sehingga berjaya mencabut akar umbi pengaruh Hindu dan Buddha. Kedatangan Islam menandakan bermulanya satu zaman baru dan berakhirnya satu zaman lama di rantau ini. Ini bermaksud perubahan yang dibawa oleh Islam terhadap ketamadunan alam Melayu bukan sahaja dari segi rupa malahan meresap masuk ke dalam jiwa.<sup>16</sup>

Perkara pokok yang dibawa oleh Peradaban Islam ialah agama Islam yang terdapat di dalamnya kepercayaan yang juga dipanggil akidah dan untuk mencapai akidah atau pegangan tersebut semestinya mempunyai keimanan. Keimanan itu merupakan akidah dan pokok, yang berdiri di atasnya syariat Islam. Kemudian dari pokok itu keluar cabang-cabang. Perbuatan itu merupakan syariat dan cabang-cabang yang dianggap sebagai buah yang keluar dari keimanan serta akidah tersebut. Keimanan dan perbuatan atau dengan kata lain akidah dan syariat yang mana ke dua-duanya mempunyai pertalian dan perkaitan dan tidak boleh dipisahkan.<sup>17</sup>

Kepercayaan dan iman itu yang telah menjadikan kehidupan itu lebih bermakna. Manusia tidak dipaksa untuk percaya tetapi kalau akal fikirannya itu rasional, maka akal tersebut akan melahirkan kepercayaan mengenai sesuatu. Oleh itu, wujud kepercayaan dalam bentuk lain jika seseorang itu tidak percaya kepada ajaran Islam. Dengan demikian, dapat

ditegaskan bahawa kepercayaan adalah sebahagian daripada kehidupan.<sup>18</sup> Oleh itu, tidak hairan peradaban Islam meletakkan kepercayaan atau keimanan perkara wajib sebagai seorang Islam yang berpegang kepada agama Islam.

Hasil daripada kepercayaan itu peradaban Islam dibentuk yang melahirkan keperibadian dan membentuk akhlak, sampai kepada membentuk masyarakat, negara, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Memang tidak dapat dinafikan peranan yang dimainkan oleh peradaban Islam dalam meningkatkan kemajuan kemanusiaan. Walau bagaimanapun, pada masa ini peradaban Islam seolah-olah kelihatan terpinggir ditelan arus zaman.

Namun keadaan ini berlaku adalah tidak lain disebabkan oleh pegangan umat Islam kepada kepercayaan mereka yang semakin luntur.<sup>19</sup>

Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pembawa agama Islam yang mentauhidkan Allah menjadi teras kepada Peradaban Islam memberikan rumusan yang singkat dari keseluruhan kepercayaan kepada 6 perkara:-

- i. Kepercayaan kepada kekuasaan Tuhan
- ii. Kepercayaan kepada adanya alam malaikat
- iii. Kepercayaan kepada adanya kitab-kitab Allah
- iv. Kepercayaan kepada Nabi dan rasul
- v. Kepercayaan kepada hari kiamat
- vi. Kepercayaan kepada takdir Illahi Yang Maha Besar

Dengan demikian, melalui 6 perkara ini yang menjadi paksi keimanan yang membentuk kepercayaan umat Islam kepada agama mereka. Kepercayaan mereka kepada 6 perkara ini mendorong mereka untuk melakukan sesuatu yang baik dan berjihad di jalan Allah s.w.t. kesannya peradaban Islam bangkit sebagai sebuah peradaban yang unggul. Kepercayaan tersebut terkandung di dalam rukun iman yang enam yang menjadi asas yang dibina ke atas manusia yang beragama Islam. Ia melibatkan kepercayaan orang-orang Islam terhadap alam dan apa yang terkandung tidak keluar daripada rukun-rukunnya.<sup>20</sup>

## Perkembangan Kepercayaan Dalam Tamadun Jepun

Tamadun Jepun dapat dibahagikan kepada beberapa zaman yang penting bermula dengan zaman Jomon, Yayoi dan Kofun dan kemudian diikuti dengan zaman Nara dan Heian. Zaman Nara dan Heian merupakan zaman yang penting disebabkan pada masa ini berlakunya penyerapan kepercayaan dan budaya dari tanah besar khususnya China dan Korea ke dalam Tamadun Jepun yang dirujuk oleh penganalisis sebagai proses asimilasi. Masyarakat Jepun mempunyai kepercayaan mereka sendiri yang dikenali sebagai agama Shinto. Kemasukan pelbagai kepercayaan dan amalan *ritual* keagamaan khususnya dari Tamadun China seperti agama Buddha, Konfucius dan Taoisme ke dalam Tamadun Jepun menjadi suatu perkara yang penting dan berlakunya proses akulturasi dan penyesuaian dalam kepelbagaian kepercayaan agama tersebut hingga mewujudkan keunikan.

Proses penyesuaian ini diperkemas lagi di zaman berikutnya iaitu di zaman Keshogunan yang melibatkan zaman Tokugawa, Kamakura dan Ashikaga hingga mewujudkan satu aliran Buddhisme yang dipanggil Zen Buddhisme yang berbeza dari amalan agama Buddha dari China. Pada masa ini Jepun mengamalkan dasar isolasi yang membolehkan budaya dan amalan kepercayaan yang diambil dari luar dapat disesuaikan tanpa gangguan.

Apabila pintu Jepun dibuka kepada tamadun luar pada zaman Meiji atau dikenali sebagai permulaan kepada zaman moden kepercayaan dan budaya Jepun yang ada sudah tepu di kalangan masyarakatnya hingga mewujudkan budaya dan kepercayaan yang sukar tergugat dengan budaya dari luar dan dikagumi oleh masyarakat luar hingga budaya Jepun dijadikan satu kajian penting.

## Pandangan Semesta

Tamadun Jepun ialah sebuah tamadun yang amat dipengaruhi oleh pandangan semestanya. Ini kerana pandangan semesta amat mempengaruhi tindak tanduk manusia melalui pengaruhnya terhadap pemikiran manusia. Secara umum boleh dikatakan masyarakat Jepun banyak mengambil

elemen-elemen kepercayaan daripada tamadun China. Justeru tidak hairan kenapa adanya persamaan dari segi hubungan di mana dikatakan masyarakat Jepun mempunyai hubungan dengan alam dan memuja roh nenek moyang yang sama dengan pemujaan dalam masyarakat Cina. Penerimaan dan kemasukan elemen-elemen luar iaitu dengan mengambil agama Buddha, falsafah Konfucian dan Taoisme serta elemen-elemen lain telah membawa kepada pandangan semesta masyarakat Jepun terhadap kepercayaan mereka. Sebenarnya, tidak ada perbezaan antara agama dan kepercayaan tersebut walaupun berbeza dari segi jumlah penganutnya dari tiap-tiap agama dan mereka mencampuradukkan agama matahari dengan nenek moyang kecuali orang-orang Jepun yang bertuhankan maharaja mereka.<sup>21</sup> Keadaan ini adalah disebabkan oleh pandangan semesta Jepun kepada agama Shinto yang mendaulatkan maharaja.

Dalam memperkatakan tentang kepercayaan, alam memainkan peranan penting termasuklah tamadun Jepun. Terdapat dua konsep utama yang berkaitan iaitu terdapat entiti luar biasa yang memelihara, menjaga dan mengasihi. Keduanya pula berkaitan dengan unsur dalaman diri. Konsep pertama menerangkan terdapatnya kuasa luar biasa yang mengambil tahu akan keadaan mereka dan dari itu wujud konsep penyembahan roh nenek moyang, dewa, syurga dan neraka. Konsep berikutnya pula sukar untuk dijelaskan dan ia boleh dianggap sebagai reality bagi asas dalaman dan mempunyai hubungan dengan alam semesta. Ia seringkali dikaitkan dengan pemikiran, penaakulan hati dan kemurnian jiwa yang terdapat dalam Buddhisme, Konfucius dan Taoisme.

Mengikuti kepercayaan tradisi masyarakat Jepun, Shinto tidak boleh lari daripada membincangkan tentang konsep *Kami*. *Kami* menurut kepercayaan Shinto membawa maksud tuhan. Selain itu, konsep *Kami* juga bermakna *Jiwa* dan *Roh*. Umumnya, kesemua daripada konsep ini menuju kepada pandangan yang sama iaitu manusia dianggap sebagai "dunia dan syurga kecil", di dalam diri manusia terdapat *nature Buddha, Tao, li, Hsin* dan *Kami*.<sup>22</sup>



### Aspek-aspek Kepercayaan Dalam Tamadun Jepun

Terdapat beberapa kepercayaan yang dipertimbangkan sebagai telah memberikan sumbangan yang besar dalam pembinaan identiti beragama di Jepun antaranya adalah Shinto, Buddha, Konfucius dan Taoisme. Agama Shinto merupakan agama asal masyarakat Jepun yang mengandungi ajaran yang paling mudah dan berkisar kepada pemujaan roh. Bangsa Jepun purba percaya bahawa segala apa yang ada di alam ini sama ada benda yang mati ataupun yang hidup semuanya bernyawa. Roh-roh ini disebut *Kami* yang dianggap sebagai kekuatan ghaib yang berada di balik alam nyata.<sup>23</sup> *Kami* yang dianggap menguasai alam ini lama kelamaan menjelma sebagai dewa-dewa alam yang banyak dan antara yang paling terkenal adalah dewa matahari atau dipanggil *Amaterasu Omi Kami*. Maharaja dianggap sebagai *Kami* untuk seluruh bangsa Jepun. Pemujaan kepada dewa-dewa alam ini menyebabkan masyarakat Jepun mencintai alam dan pemujaan kepada Maharaja melahirkan pengabdian yang tidak berbelah bagi kepada negara mereka hingga melahirkan tamadun yang gemilang. Keadaan ini melahirkan bangsa Jepun yang amat cintakan kepada tanah airnya. Penganut Shinto percaya bahawa *Kami* yang mereka puja itu akan dapat membantu mereka mencapai kesejahteraan hidup di dunia. Oleh itu, orang-orang Jepun tidak menekankan kehidupan selepas mati, syurga dan neraka. Dengan demikian agama Shinto boleh menerima kemasukan agama lain dengan berlaku beberapa penyesuaian.<sup>24</sup>

Jika ditinjau dari segi perkembangannya, agama Shinto dapat dibahagikan kepada tiga tahap masa yang penting iaitu:

1. Masa perkembangannya dengan pengaruh yang mutlak sepenuhnya di Jepun iaitu dari tahun 660 SM sampai tahun 552 M, di dalam masa 12 abad lamanya.
2. Masa kemasukan kepercayaan dari China yang merujuk kepada agama Buddha, Konfucius dan Taoisme dari tahun 552 M hingga tahun 800 M dimana agama Shinto mendapat persaingan yang hebat.

3. Masa sikronisasi secara beransur-ansur antara agama Shinto dengan ajaran-ajaran lain dari tahun 800 M hingga 1700 M.

Kemerosotan pengaruh agama Shinto pada masa ini dapat disaksikan pada kenyataan bahawa upacara keagamaan yang dianggap sangat penting dalam ajaran Shinto iaitu upacara *Oho-nihe* (penabalan Maharaja) sudah tidak diamalkan bermula tahun 1465M hingga 1687M.

Ajaran Buddha pula telah buat pertama kali masuk ke Jepun sekitar tahun 538 hingga 552M. Raja Pakche iaitu salah sebuah kerajaan dari Korea telah mempersembahkan beberapa buah buku mengenai doktrin agama Buddha dan sebuah patung Buddha kepada kerajaan Jepun. Namun begitu, pada kali ini agama Buddha ke Jepun tidak mendapat sambutan malahan dikatakan membawa penyakit dan bala.<sup>25</sup> Walau bagaimanapun di zaman kerajaan di bawah kepimpinan Putera Shitoku Taishi dalam tahun 593M agama Buddha mendapat tempat dan berkembang dengan baik di Jepun kerana dianggap dapat mencetuskan semangat moral bagi membina semangat kebangsaan Jepun.

Agama Buddha menjadi agama yang penting di zaman Putera Shitoku Taishi dan menjadi asas yang penting dalam pembinaan tamadun Jepun pada masa itu hingga sekarang.

Ajaran Confucian juga merupakan ajaran yang diambil daripada tamadun China. Ajaran ini menekankan aspek falsafah, etika dan politik. Kemasukan ajaran Confucian ke Jepun menekankan kepada kerukunan rumah tangga, ketaatan kepada orang tua, kesetiaan kepada undang-undang dan juga pemerintah. Pembahagian susun tingkat masyarakat telah dibuat untuk melahirkan masyarakat berharmoni.<sup>26</sup> Justeru orang-orang atasan lebih bersifat dermawan manakala masyarakat bawahan pula bersifat taat kepada pemerintah.<sup>27</sup> Oleh itu, falsafah ini ditanam di kalangan para petani dan Samuraj untuk memupuk kesetiaan mereka kepada ketua mereka khasnya daimyo (tuan-tuan tanah).

Akibat pengaruh dari China dalam abad ke-3 dan ke-6, seorang sarjana Korea yang bernama Wani telah memperkenalkan etika dan falsafah Confucian pada 405M. Dalam masa yang sama juga ajaran Taoisme juga dibawa

masuk ke China dan berpengaruh dalam budaya dan adat masyarakat Jepun. Bermula dari sinilah ajaran Confucious dan Taoisme diserasikan dengan Shinto dan Buddha.

### **Falsafah Dalam Kehidupan Beragama di Jepun**

#### **Bushido**

Bushido secara langsung menggambarkan kaedah hulubalang atau Samurai. Ia merupakan kod prinsip moral yang mana golongan Samurai harus ikut dan ia diwarisi secara lisan dari pahlawan yang terkenal<sup>28</sup>. Samurai memainkan peranan yang penting dalam sistem-politik, ekonomi dan sosial Jepun hingga pembubaran zaman Samurai tahun 1871. Bushido bersumberkan kepada gabungan tiga kepercayaan utama Jepun iaitu Shinto, Buddha dan Confucian.

#### **On**

Konsep *On* berkaitan dengan kewajipan sosial dan psikologi. Secara analogi apabila kita menerima bantuan daripada orang lain akan menimbulkan sikap untuk membalas balik. Keadaan ini wujud secara semulajadi dan merupakan sebahagian dari aspek psikologi. Ia menjadikan kita ingin membalas jasa individu berkenaan jika kita adalah normal. Konsep ini bersumberkan daripada ajaran Confucious yang memberi taat kepada ketua. Dalam masa yang sama, ketua akan mencari jalan untuk membantu atau membalas ketaatan tersebut. Jika di zaman samurai ketua-ketua membalas ketaatan dengan cara menghadihkan tanah kepada pengikutnya yang taat. Orang bawahan akan terhutang budi dan akan memberikan rasa hormat dan kesetiaan.

#### **Haji**

Konsep *Haji* ialah perasaan malu yang menebal dalam kalangan masyarakat Jepun jika gagal dalam menjalankan satu-satu misi. Dalam sesetengah kes, mereka menebus diri mereka dengan membunuh diri. Ini adalah ajaran yang dibawa oleh Shinto dan Buddha yang menolak aspek pentingkan diri sendiri tetapi akan melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh. Dalam kata lain, mereka akan memastikan usaha mereka mesti berjaya walau apa cara sekalipun.

### **Jimyaku**

Konsep *Jimyaku* adalah bersumberkan falsafah Confucian yang amat mementingkan hubungan antara individu sebagai asas kejayaan. Ajaran Confucian telah diasimilasikan bersama ajaran Shinto dan diadaptasikan dalam bidang ketenteraan dengan meletakkan ketaatan kepada ketua dan undang-undang sebagai suatu yang utama. Konsep ini dilihat sebagai "nadi manusia" terutama dalam urusan peribadi dan perniagaan, *Jimyaku* menjelaskan wujudnya hubungan antara individu seperti sahabat handai, rakan sekolah, rakan dalam perniagaan, persatuan dan sebagainya.

### **Wa**

Konsep *Wa* bermakna harmoni yang bersumberkan kepada kepercayaan Shinto. Ucapan harmoni ini menjadi kunci kepada pembangunan bahasa Jepun dan digunakan dalam kesantunan, seni dan sastera. Dalam falsafah Jepun, etika dan budi bahasa berdasarkan kepada keharmonian dalam semua aspek. Konsep *Wa* amat berpengaruh dalam perniagaan, misalnya hubungan yang wujud antara kerajaan dengan peniaga, pekerja dan pengurus. Ini kerana ia berhubung rapat dengan kepentingan hidup untuk menghasilkan proses perniagaan.

### **Yin dan Yang**

Konsep *Yin* dan *Yang* merupakan pengaruh daripada ajaran Taoisme yang telah mempengaruhi falsafah dan pemikiran orang Jepun. Mengikut falsafah Cina adanya alam ini kerana adanya *Yin* dan *Yang*. *Yang* adalah kekuatan positif atau lelaki yang bererti semua yang bersifat aktif dalam semua kesatuan seperti panas, keras, sinar dan sebagainya. *Yin* adalah kekuatan negatif atau perempuan yang bersifat pasif seperti dingin, lembut, gelap dan sebagainya. Melalui persatuan dan keserasian antara pasangan-pasangan ini terjadinya penciptaan di alam ini termasuk pasangan langit dan bumi.<sup>29</sup> Oleh itu, masyarakat Jepun amat percaya kepada keserasian dalam aspek memilih jodoh, membuat sesuatu, memulakan pekerjaan dan sebagainya mempunyai perkaitan dengan *Yin* dan *Yang*, iaitu dari segi keserasian dan kesesuaian.

### **Karuna**

Konsep *Karuna* adalah konsep kasih sayang antara makhluk. Masyarakat Jepun amat menekankan kepada konsep ini dan ia bersumberkan kepada kepercayaan Shinto, Buddha dan Confucious. Misalnya melalui konsep ini pihak yang menang dalam satu-satu peperangan harus mengadakan satu upacara untuk memohon doa semoga roh daripada pihak sendiri mahupun lawan berada dalam keadaan sejahtera. Ajaran sedemikian telah dipraktikkan oleh seorang panglima tentera Jepun yang terkenal bernama Hojo Tokimura. Beliau telah melakukan upacara tersebut selepas sahaja tentera Jepun berjaya mengalahkan tentera Monggol pada akhir abad ke-14.<sup>30</sup>

### **Kesimpulan**

Peradaban Jepun dan Islam mempunyai asas kekuatan masing-masing dan kedua-dua peradaban ini pernah mencapai kegemilangan. Keadaan ini tidak lain disebabkan oleh pengaruh kepercayaan dan agama yang dimiliki dalam agama masing-masing yang mendorong kepada kekuatan dan pembinaan tamadun berkenaan. Tamadun Jepun dengan etika Bushido dan Islam dengan konsep Jihad sebenarnya amat jauh berbeza. Bushido taat kepada ketua dan Jihad taat kepada Allah. Boleh dikatakan kelemahan yang ketara dalam kalangan masyarakat Islam sekarang ini disebabkan kelemahan mereka kepada mentaati suruhan agama mereka, tidak sebagaimana orang Jepun yang bersungguh-sungguh mengamalkan suruhan ajaran kepercayaan mereka walaupun mereka tidak mempunyai agama yang tetap.

## Nota Hujung

\* Samiyah, dibangsakan kepada Sam anak Nuh. Keturunan Sam inilah yang dinamai bangsa-bangsa di Asia Barat dan di Abessinia. Termasuk juga bangsa-bangsa Arab, Israel, Abessinia dan mereka ini menggunakan bahasa-bahasa dari rumpun bahasa Samiyah.

\*\* Tahyul mengikut pengertian dapatlah difahamkan bayang-bayangan dalam hati manusia iaitu kepercayaan yang tiada beralas dan karut marut, seperti dongeng atau sangka-sangkaan. Di sini dapatlah dielaskan bahawa tahyul ialah kepercayaan terhadap benda-benda yang abstrak yang hanya diada-adakan atau ditujuk-tunjukkan tentang kuasanya atau kekuatannya pada hal benda itu sebenarnya tidak ada bahkan tidak langsung mempunyai kuasa yang boleh membahayakan.

<sup>1</sup> Agus Hakim, 1979: 13).

<sup>2</sup> Wardin Amir BA, 1976: 11

<sup>3</sup> H.O.K. Rahmat Adam S.H., 1979: 67-69.

<sup>4</sup> Ibid: 70

<sup>5</sup> Ibid: 70.

<sup>6</sup> Ibid: 392

<sup>7</sup> A Dictionary of The Social Science, 1964: 588.

<sup>8</sup> Harry M. Johnson, 1961: 392.

<sup>9</sup> Ibid:392

<sup>10</sup> Wardin Amir BA, 1976: 103.

<sup>11</sup> Ibid: 11.

<sup>12</sup> Ibid: 10.

<sup>13</sup> Rashid Muhammad, 1996:.

<sup>14</sup> Jayaudin Jamaudin, 1995: 22.

<sup>15</sup> Ahmad Amin, 1998: 3

<sup>16</sup> Syed Muhammad Naguib al-Attas, 1972: 3.

<sup>17</sup> Sayid Sabiq, 1991: 7

<sup>18</sup> Abdul Malik Karim Amrullah, 1975: 7

<sup>19</sup> Abdul Malik Karim Amrullah, 1975: 7

<sup>20</sup> Haron Din, 1999: 32.

<sup>21</sup> Abbas Mahmoud al-Akkad, 1970: 76.

<sup>22</sup> Noriyoshi Tamaru dan David Teid, 1996: 16

<sup>23</sup> Wardin Amir B.A., 1976: 17-18.

- <sup>24</sup> Richard Bowring dan Peter Kornicki, 1993: 152-153.  
<sup>25</sup> Richard Bowring dan Peter Kornicki, 1993: 152-153.  
<sup>26</sup> Edwin O. Reischauer dan Albert M. Craig, 1978: 26  
<sup>27</sup> Ibid: 26.  
<sup>28</sup> Inazo Nitoku, terjemahan Wong Seng Tang, 1986: 3  
<sup>29</sup> H.O.K. Rahmat S.H., 1979: 134  
<sup>30</sup> Murukami Hyoe dan Edward Seidentikker G., 1977: 63

## Rujukan

- "A Dictionary of The Social Science"*, (1964), New york:The Free Press.
- Abbas Mahmoud al-Akkad, (1970), *"Ketuhanan: Sepanjang Ajaran Agama-agama dan Pemikiran Manusia"*, Penerbit Bulan Bintang, Jakarta.
- Abdul Malik Karim Amrullah, (1975), *"Pelajaran Agama Islam"*, Cetakan ke-3, Penerbit PAP Kelantan.
- Ahmad Amin, (1998). *"Islam Sepanjang Zaman"*, Terjemahan Hj.Dasuki Hj. Ahmad, Cetakan ke-2, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Edwin O. Reischauer dan Albert M. Craig, (1978) *"Japan Tradition and Transformation"*, Houghton Mifflin Company of East Asia.
- H.O.K Rahmat S.H., (1979), *"Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai Agama-agama"*, Pustaka Aman Press Sdn.Bhd,1979.
- Haron Din, (1999) *"Manusia dan Islam"*, Edisi Khas, Penerbit Hizbi Marketing Sdn. Bhd.
- Harry M. Johnson, (1961), *"Sociology: A Systematic Introduction"*, London: Routledge and K.Paul.
- [http://www.Religions\\_By\\_Adherents.html](http://www.Religions_By_Adherents.html) (akses 6/12/2009)
- Inazo Nitoku, (1986), *"Bushido: Jiwa Negara Jepun"*, Terjemahan Wong Seng Tang, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia: Kuala Lumpur.
- Jayaudin Jamaudin, (1995), *"Sejarah Islam Tanah Arab"*, Cetakan ke-6, Penerbit ELMEN, Kuala Lumpur.
- M.Rajendran, (1988), *"Sejarah Jepun"*, Arenabuku Sdn. Bhd.
- Murukami Hyoe dan Edward Seidentikker G., (1977), *"Guide to Japanese Culture"*, Japanese Culture Institute: Tokyo, Japan.

- Noriyoshi Tamaru dan David Teid, (1996), *"Religion In Japanese Culture"*, Kondansha International: New York.
- Rashid Muhammad, (1996), *"Matra Tamadun Islam"*, Cetakan Pertama, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Richard Bowring dan Peter Kornicki, (1993), *"The Cambridge Encyclopedia of Japan"*, Cambridge University Press: New York.
- Sayid Sabiq, (1991), *"Akidah Islam: Pola Hidup Manusia Beriman"*, Edisi Baru, Penerbit Pustaka Nasional PTE LTD Singapura.
- Sidi Gazalba, *"Masyarakat Islam: Pengantar Sosiologi dan Sosiografi"*, Penerbit Pustaka Antara Kuala Lumpur, 1986.
- Syed Muhammad Naguib al-Attas, (1972), *"Islam Dalam Sejarah Kebudayaan Melayu"*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Wardin Amir BA, (1976), *"Perbandingan Agama"*, Jilid ke-2, Penerbit Toha Putra Semarang.